

Bil. S 11

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT
(KANUN HUKUMAN JENAYAH) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kanun Hukuman Jenayah) (Pindaan), 1998.

Penggantian bab 435 dari Penggal 22. 2. Bab 435 dari Kanun Hukuman Jenayah adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut –

“Khianat dengan api atau bahan letupan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan. 435. (1) Barangsiapa melakukan khianat dengan api atau sebarang bahan letupan, dengan niat hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya mungkin dia dengan itu akan menyebabkan, kerosakan kepada sebarang harta hendaklah dihukum –

- (a) mati, jika perbuatan tersebut menyebabkan kematian kepada mana-mana orang ;
- (b) mati, jika perbuatan tersebut adalah terhadap talian paip petroleum, talian paip gas, talian paip bekalan air, loji bekalan elektrik atau sebarang harta yang ditetapkan ; atau
- (c) dalam sebarang kes lain, penjara selama suatu tempoh sehingga 15 tahun, dan hendaklah juga dihukum sebat tidak kurang dari 6 kali sebatan.

(2) Dalam perenggan (b) ceraiian (1), “harta yang ditetapkan” bermakna harta atau tempat yang digunakan oleh sebarang perusahaan kemudahan awam sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai harta yang ditetapkan yang dikenakan dengan perenggan tersebut.”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 13 haribulan Mei, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM